

## **BAB 5**

### **DAPATAN DAN CADANGAN**

#### **5.0 Pendahuluan**

Bab ini merumuskan dapatan kajian berdasarkan penganalisan data dalam BAB 4. Seterusnya, bab ini juga membincangkan beberapa kesan akibat pemindahan leksis bahasa Inggeris ke atas cerpen Tamil serta beberapa cadangan bagi kajian selanjutnya.

#### **5.1 Rumusan Hasil Dapatan Kajian**

Rumusan hasil dapatan kajian dibuat berdasarkan analisis jenis-jenis kata pinjaman bahasa Inggeris yang telah digunakan dalam cerpen Tamil di akhbar harian tempatan. Secara keseluruhannya, kombinasi kerangka dua kategori yang disarankan oleh Haugen, E. (1953) dan Heah (1989) digunakan bagi pemindahan leksis bahasa Inggeris dalam penulisan cerpen Tamil di akhbar harian tempatan Malaysia.

Rumusan hasil kajian dibuat berdasarkan kepada tiga objektif kajian seperti yang dibincangkan seterusnya.

##### **5.1.1 Jenis-jenis Peminjaman Leksis Bahasa Inggeris dalam Cerpen Tamil**

Objektif kajian yang pertama ialah untuk melihat jenis-jenis penggunaan leksis bahasa Inggeris dalam cerpen Tamil. Secara keseluruhannya, didapati bahawa sebanyak empat jenis pinjaman terlibat dalam proses pemindahan leksis bahasa Inggeris ke dalam cerpen-cerpen Tamil.

Jenis peminjaman leksis yang paling kerap digunakan dalam pemindahan leksis bahasa Inggeris dalam cerpen Tamil ialah jenis pengimportan iaitu sebanyak 599 (86%) daripada jumlah keseluruhan iaitu 697 leksis.

Jenis peminjaman pengimportan mengandungi dua sub-jenis peminjaman iaitu, pinjaman tulen (*pure loan-word*) dan pinjaman kacukan (*loanblends*) yang mana masing-masing mencatat jumlah jenis penggunaan sebanyak 259 leksis (37.2%) dan 340 leksis (48.8%).

Jenis pinjaman tulen mengandungi empat sub-jenis lagi iaitu tanpa asimilasi, separuh asimilasi, asimilasi penuh dan berasimilasi secara ortografi. Manakala data kajian hanya mengandungi jenis pinjaman tanpa asimilasi yang mencatat jumlah penggunaan sebanyak 8 leksis sahaja.

Leksis-leksis pinjaman tulen separuh asimilasi ialah kata-kata pinjaman yang menunjukkan bukti morfemis bentuk asli bahasa Inggeris dengan beberapa tahap adaptasi ortografis. Disebabkan leksis pinjaman dalam kajian ini ditulis sepenuhnya dalam huruf Tamil, maka tidak ada leksis-leksis pinjaman tulen separuh asimilasi dalam korpus yang dikaji.

Kategori-kategori dari sebahagian leksis-leksis pinjaman tulen separuh asimilasi dan asimilasi penuh hanya berlaku dalam situasi yang mana bahasa penderma dan bahasa peminjam mempunyai sistem penulisan identikal seperti bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Tidak terdapat leksis-leksis pinjaman tulen sepenuh asimilasi dalam korpus yang dikaji.

Leksis pinjaman tulen berasimilasi secara ortografi yang mana leksis yang disesuaikan dengan sebutan Tamil dan dieja sedemikian rupa sehingga mencerminkan sebutan bahasa Inggeris adalah sebanyak 251 leksis. Terdapat dua jenis leksis pinjaman tulen secara ortografi yang berasimilasi dalam bahasa Tamil. Pada keseluruhannya terdapat 67 (25.9%) leksis pinjaman bahasa Inggeris yang ditemui di dalam data kajian tergolong dalam jenis pertama. Dalam jenis pertama, leksis pinjaman tulen bahasa Inggeris ditulis dalam bahasa Tamil dengan menggunakan sistem tulisan bahasa Tamil dan apabila dibaca leksis tersebut menghasilkan sebutan yang seakan-akan sama dengan sebutan bahasa Inggeris. Kata nama tunggal adalah jenis leksis yang paling banyak iaitu sebanyak 29 (11.2%) leksis terdapat dalam kategori ini.

Selain itu, jenis kedua mempunyai sebanyak 184 (71.0%) leksis daripada jumlah keseluruhan iaitu 259 leksis pinjaman tulen bahasa Inggeris yang mana kata nama tunggal sahaja mencatat bilangan pinjaman sebanyak 123 (47.5%) leksis.

Manakala, bagi jenis pinjaman kacukan yang mana kata dasar Inggeris dengan akhiran kasus Tamil telah mencatat bilangan pinjaman yang tertinggi iaitu, sebanyak 142 (41.8%) leksis berbanding dengan sub-jenis pinjaman kacukan yang lain.

Jenis peminjaman leksis yang kedua paling kerap digunakan dalam pemindahan leksis bahasa Inggeris dalam cerpen Tamil ialah jenis penggantian iaitu sebanyak 98 (14%) daripada jumlah keseluruhan iaitu 697 leksis.

Jenis peminjaman penggantian mengandungi dua sub-jenis peminjaman iaitu, pinjaman terjemahan (*loan translation*) dan pinjaman padanan (*Apt equivalent*

*substitutes*) yang mana masing-masing mencatat jumlah penggunaan sebanyak 70 leksis (10%) dan 28 leksis (4%). Dalam jenis terjemahan pula, kategori leksis yang mengekalkan bentuk strukturnya adalah sebanyak 66 (94.3%) daripada keseluruhan leksis pinjaman terjemahan.

### **5.1.2 Kekerapan Penggunaan Leksis Bahasa Inggeris dalam Cerpen Tamil**

Objektif kajian yang kedua ialah untuk menilai kekerapan penggunaan leksis bahasa Inggeris dalam cerpen bahasa Tamil.

Berdasarkan kepada analisis data kajian, didapati bahawa pemindahan leksis Inggeris yang paling banyak dan paling kerap berlaku adalah melalui proses pengimportan, iaitu melalui proses pinjaman tulen dan pinjaman kacukan. Sebanyak 86.83% pinjaman leksis Inggeris ke dalam cerpen Tamil berlaku melalui proses ini. Daripada 881 leksis bahasa Inggeris yang dipindahkan ke dalam cerpen-cerpen Tamil yang dikaji itu, 761 adalah jenis ini. Hal ini bererti para penulis cerpen lebih gemar melakukan pembauran kod yang mana kata-kata Inggeris yang digunakan dalam cerpen mereka ditulis dengan menggunakan grafen Tamil yang sistem bunyinya hampir-hampir sama dengan sistem bahasa Inggeris.

Sebanyak 374 (42.5%) leksis daripada keseluruhan leksis pinjaman ditulis sepenuhnya dengan cara ini ataupun disebut sebagai pinjaman tulen. Manakala 387 (44.2%) leksis daripada keseluruhan leksis pinjaman dapat dikategorikan sebagai pinjaman kacukan yang mana kata Inggeris yang dipinjam itu dikacukkan dengan kata, partikel, awalan atau akhiran Tamil.

### **5.1.3 Sebab-sebab yang Mempengaruhi Kecenderungan Penggunaan Leksis-**

#### **leksis bahasa Inggeris**

Objektif kajian yang ketiga ialah, untuk mengkaji sebab-sebab kecenderungan penulis cerpen menggunakan leksis-leksis bahasa Inggeris dalam cerpen Tamil.

Beberapa sebab telah dikenal pasti berdasarkan data yang diperoleh melalui soal selidik. Didapati sebab yang paling kerap mempengaruhi para penulis cerpen untuk menggunakan leksis pinjaman Inggeris dalam penulisan mereka ialah untuk mewujudkan suasana sebenar dalam penulisan cerpen. Selain itu sebab kedua yang mempengaruhi para penulis cerpen untuk menggunakan leksis pinjaman Inggeris dalam penulisan mereka ialah untuk mengelakkan kesukaran mencari sesuatu kata yang berpadanan maksudnya dalam bahasa Tamil bagi sesuatu kata dalam bahasa Inggeris. Sebab ketiganya ialah untuk meningkatkan prestij cerpen yang mana penulis-penulis ingin meningkatkan nilai kesusasteraan kontemporari dan ingin menuruti perkembangan semasa dalam kesusasteraan cerpen Tamil.

Selain dari itu, dari data kajian pengkaji mendapati, , latar belakang cerita juga mempengaruhi penggunaan leksis pinjaman bahasa Inggeris dalam cerpen Tamil.

## **5.2 Dapatan Kajian Lain**

### **i. Pola Peminjaman Leksis bahasa Inggeris yang Kerap digunakan**

Berdasarkan penganalisan data secara keseluruhannya, didapati pola peminjaman kata bahasa Inggeris yang kerap digunakan ialah kata pinjaman (bahasa Inggeris) + akhiran kasus (bahasa Tamil). Pola tersebut telah digunakan sebanyak 142 kali

(20.4%) dalam 697 leksis pinjaman yang menjadi data kajian ini. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan leksis pinjaman Inggeris, khususnya dalam cerpen, dibentuk dengan menggabungkan kata dasar bahasa Inggeris dengan kasus Tamil. Peminjaman leksis jenis ini, kebanyakannya melibatkan kata nama. Selain itu, pola-pola peminjaman leksis Inggeris yang melibatkan pengimbuhan akhiran jamak, partikel konjungsi, partikel kerja, partikel penegas, partikel tanya, kata tugas, adverba dan awalan kata ganti nama tunjuk juga ditemui. Ini telah membuktikan bahawa semua pemindahan leksis bahasa Inggeris ke dalam bahasa Tamil berlaku dalam situasi di mana tidak wujudnya percanggahan dari aspek tatabahasa Tamil. Ini bererti hukum-hukum tatabahasa Tamil dapat menerima leksis-leksis Inggeris sebagai pengganti kepada leksis Tamil.

## **ii. Kata Majmuk Pinjaman Kacukan**

Selain itu, penganalisan data juga menunjukkan bahawa peminjaman leksis secara pemajmukan kerap berlaku di bawah pinjaman kacukan, iaitu sebanyak 113 (33.2%) daripada keseluruhan pinjaman kacukan adalah pinjaman pemajmukan. Pola pemajmukan yang paling kerap ialah kata pinjaman Inggeris + kata asli. Sebanyak 47 (41.6%) daripada keseluruhan kata majmuk pinjaman kacukan tergolong ke dalam jenis ini.

Selain itu terdapat dua jenis lagi yang mana jumlah masing-masingnya adalah berjumlah 30 (26.5%). Jenis pertamanya adalah kata majmuk yang terbentuk dengan pola kata asli + kata pinjaman Inggeris. Manakala jenis keduanya adalah yang terbentuk dengan pola dua kata dasar Inggeris bercantum dengan akhiran Tamil.

Data kajian juga menunjukkan pinjaman kacukan kata majmuk juga mempunyai tiga unsur di dalamnya. Pinjaman jenis ini terlalu kurang digunakan dalam penulisan cerpen iaitu hanya 4 (3.5%) lexis sahaja.

### **iii. Jenis pinjaman kacukan *tautological***

Penganalisan data juga menunjukkan bahawa jenis peminjaman kacukan *tautological* juga digunakan dalam penulisan cerpen Tamil, yang mana hanya 2 lexis (0.6%) daripada keseluruhan jenis pinjaman kacukan.

### **iv. Situasi Peminjaman Kata Pinjaman**

Penganalisan data yang diperolehi melalui borang soal selidik memberi gambaran tentang situasi-situasi yang memerlukan para responden menggunakan lexis pinjaman dalam cerpen. Keperluan untuk pinjaman lexis bahasa Inggeris dalam cerpen Tamil wujud apabila para penulis bergantung pada situasi cerpen dan dalam keadaan dialog watak. Contoh watak seorang yang berpendidikan, ataupun yang memerlukan watak tersebut bertutur dengan bangsa lain.

Dari data kajian didapati hanya 881 (0.6%) jumlah lexis pinjaman bahasa Inggeris digunakan dalam kesemua 93 buah cerpen. Jumlah ini merupakan bilangan yang terlalu sedikit. Selain dari itu, berdasarkan data kajian sebanyak 49 cerpen mempunyai kekerapan pinjaman antara 0.00% hingga 0.49%. Ini menunjukkan bahawa para penulis cerpen masih mengutamakan bahasa Tamil.

## **v. Pengalaman dalam Penulisan Cerpen Tamil**

Data yang diperoleh melalui soal selidik membuktikan bahawa pengalaman penulisan cerpen memberi kesan dalam penggunaan lexis pinjaman bahasa Inggeris. Golongan penulis berpengalaman lebih daripada 10 tahun kurang menggunakan lexis pinjaman Inggeris dalam penulisan cerpen mereka.

### **5.3 Kelemahan-kelemahan yang dikenal pasti**

Pengkaji telah menganalisis respon-respon yang diperoleh melalui borang soal selidik dan didapati bahawa 13 responden berumur antara 41- 70 tahun. Manakala 3 responden sahaja merupakan belia iaitu berumur antara 18 - 40 tahun.

Selain daripada itu, kelulusan akademik para responden juga agak sederhana iaitu, 43.6% daripada mereka hanya memiliki kelayakan SPM. Bilangan responden yang mempunyai kelayakan sarjana adalah seorang dan Ph.D pula seorang. Hanya 25% para responden sahaja mempunyai kelayakan bahasa Tamil tertinggi iaitu pada peringkat universiti. Bidang pekerjaan juga didapati memberi kesan dalam penggunaan lexis pinjaman bahasa Inggeris yang mana 56.3% responden melibatkan diri dalam pekerjaan swasta yang mana bahasa perantaraan pekerjaan ialah bahasa Inggeris. Pengkaji mendapati bahasa perantaraan pekerjaan juga memberi kesan dalam penggunaan lexis pinjaman bahasa Inggeris dalam penulisan cerpen.



#### **5.4 Cadangan untuk Kajian Selanjutnya**

Kajian ini hanya mampu untuk menunjukkan sebahagian kecil daripada keadaan sebenar. Ini disebabkan oleh beberapa faktor batasan kajian yang menghadkan kajian ini daripada memberikan satu gambaran yang lebih luas. Oleh itu, hasil kajian ini tidak boleh digeneralisasikan bagi mengenalpasi jenis-jenis penggunaan leksis bahasa Inggeris dan kekerapan penggunaannya dalam cerpen bahasa Tamil dalam semua media cetak tempatan. Maka kajian yang lebih menyeluruh boleh dilakukan bagi mendapat suatu gambaran yang lebih luas.

Sehubungan dengan itu, banyak kajian yang berkaitan dengan kajian ini boleh dilakukan pada masa akan datang. Selain itu, kajian seterusnya juga boleh dilakukan mengenai kadar pertambahan leksis pinjaman bahasa Inggeris dalam bahasa Tamil dalam jurang tahun tertentu.

Selain daripada itu, kajian seterusnya juga boleh dilakukan tentang pemindahan leksis bahasa lain ke dalam bahasa Tamil dan sebaliknya. Selain daripada media cetak, kajian ini boleh difokuskan juga kepada media elektronik, perbualan harian dalam situasi-situasi tertentu seperti sekolah, pusat membeli-belah, rumah dan bidang-bidang tertentu seperti sukan, sains serta pembinaan.

#### **5.5 Penutup**

Kajian ini membuktikan bahawa peminjaman leksis dari suatu bahasa ke dalam suatu bahasa yang lain sudah tentu akan berlaku dalam suasana multilingual. Pinjaman ini juga didapati berlaku dalam genre sastera yang sepatutnya memelihara ketulenan dan identiti masyarakat tertentu. Fenomena ini sukar dihalang dalam era globalisasi ini

yang mengutamakan penggunaan bahasa Inggris. Akhirnya, diharapkan kajian ini dapat menyumbang sedikit sebanyak pengetahuan tentang pemindahan lexis bahasa Inggris ke dalam bahasa Tamil.